

Sinar Harian 17/8/2018 m/s 21

## Harga ikan akan lebih murah di Terengganu?

**KUALA TERENGGANU**—Kerajaan dijangka dapat menyelesaikan isu harga ikan mahal di Terengganu sekiranya nelayan bot laut dalam dapat menurunkan hasil tangkapan mereka di pelabuhan dan jeti-jeti dalam negeri, bukan di negeri jiran sebagaimana berlaku sekarang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, kesukaran bot berlabuh kerana masalah muara cetek dan kemudahan infrastruktur tidak lengkap di jeti pelabuhan menyebabkan nelayan lebih selesa mendaratkan hasil laut di Kuantan dan Tok Bali.

Menurutnya, situasi ini menjadi punca kepada kemerosotan kuantiti pendaratan ikan iaitu hanya sekitar 21,000 matrik tan setahun sedangkan keperluan sebenar sumber protein bagi rakyat negeri ini adalah sekitar 40,000 matrik tan.

Kemerosotan kuantiti pendaratan ikan di pelabuhan juga

menyebabkan harga ikan melambung tinggi dan beliau percaya, isu harga ikan mahal dapat diselesaikan sekiranya nelayan laut dalam kembali menurunkan hasil tangkapan mereka di jeti LKIM.

“Kita menyelesaikan masalah dengan kita melihat apa dia akar umbi punca kepada masalah.

“Kita kenalpasti harga ikan yang tinggi berpunca dari pendaratan ikan nelayan Terengganu dilakukan di luar (negeri) dan untuk ikan ‘balik’ semula ke sini memerlukan kos pengangkutan yang menyebabkan peningkatan harga ikan,” katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata demikian selepas membuat lawatan ke Pelabuhan LKIM Chendering, di sini semalam.

Hadir sama Pengarah LKIM Terengganu, Tengku Mohd Anuar Tengku Mahmud.

Isu muara cetek dan kekurangan kemudahan infrastruktur menjadi masalah utama nelayan dan seramai 1,800 nelayan yang berlabuh di



Dr Azman (tengah) melihat hasil tangkapan laut yang didaratkan di pelabuhan LKIM Chendering ketika meninjau pelabuhan itu, semalam.

pelabuhan LKIM Chendering sebelum ini kini semakin berkurangan kepada 500 orang.

Sehubungan itu, kerajaan negeri akan menaiktaraf pelabuhan LKIM Chendering bagi menarik kembali nelayan mendaratkan hasil tangkapan mereka di sana sekali gus ‘menghidupkan’ semula industri

perikanan pelabuhan berkenaan yang kini suram.

Selain menyediakan kemudahan dan prasarana lengkap seperti bilik sejuk beku, bekalan ais, kerajaan juga akan mendalamkan muara sungai yang cetek bagi membolehkan bot-bot besar dari nelayan laut dalam berlabuh dan

menurunkan hasil tangkapan.

Beliau berkata lagi, kerja-kerja baik pulih melibatkan kos sebanyak RM23 juta itu adalah dari dana kerajaan Pusat dan kajian perkara itu sudah dilakukan oleh kerajaan terdahulu.

“Saya juga telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (Datuk Salahuddin Ayub) dalam satu mesyuarat sebelum ini.

“Dalam pertemuan itu, beliau berhasrat untuk datang ke Terengganu pada 2 September depan, isu ini boleh dibincangkan nanti,” katanya.

Kerajaan juga katanya sedang mempertimbangkan permohonan sebuah syarikat swasta dari bidang perikanan yang berminat untuk menaik taraf pelabuhan Chendering dengan memanjangkan lagi benteng pemecah ombak termasuk mendalamkan muara pelabuhan tanpa melibatkan kewangan kerajaan negeri.